

Headline	Lapasar.com raih kontrak perolehan PETRONAS		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	21 Apr 2020	Language	Malay
Circulation	37,981	Readership	113,943
Section	EKONOMI	Page No	26
ArticleSize	293 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 8,191		



Lapasar.com raih kontrak perolehan PETRONAS

KUALA LUMPUR: Tenderin Sdn Bhd, pengendali Lapasar.com, diberikan kontrak untuk menyediakan platform perniagaan kepada perniagaan (B2B) dalam taliannya kepada Petroliam Nasional Bhd (PETRONAS).

Dalam kenyataan semalam, Tenderin berkata, di bawah kontrak tersebut, PETRONAS dijangka menggunakan platform Lapasar.com untuk tujuan perolehan, menyokong matlamat PETRONAS untuk mengguna pakai proses perolehan yang digital dan cekap, selain mengekalkan dan meningkatkan tadbir urus.

“Kami gembira dapat bekerjasama dengan jabatan Perolehan Digital PETRONAS dalam memperluaskan lagi kategori penyelenggaraan, pembaikan dan operasi (MRO) kami serta membantu mereka mencapai penjimatan kos dan kecekapan perolehan.

“Walaupun dengan persekitaran ekonomi yang kurang menggalakkan pada tahun ini, kami amat komited untuk membantu semua pelanggan kami mencapai sasaran penjimatan kos mereka yang ditetapkan bagi 2020,” kata Ketua

TENDERIN Sdn Bhd, pengendali Lapasar.com, diberikan kontrak menyediakan platform perniagaan (B2B) dalam taliannya kepada Petroliam Nasional Bhd (PETRONAS).



Pegawai Eksekutif dan Pengasas Lapasar, Thinesh Kumar.

Beliau berkata, kadar pendaftaran untuk pembeli dan penjual di platform tersebut meningkat berikutan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Kami yakin ini berdasarkan keperluan yang meningkat untuk mencari permintaan dan penawaran. Dengan platform kami, perniagaan ini akan dapat memanfaatkan jarin-

gan digital untuk mengendalikannya perniagaan mereka dengan lebih cekap,” kata Thinesh.

Beliau berkata, platform B2B menawarkan perkhidmatan e-perolehan yang menyeluruh dan terbukti untuk organisasi dengan menyediakan platform pembelian dalam talian dan dalam aplikasi yang selamat dengan kemudahan perbandingan harga pada masa nyata dan keupayaan yang relevan, seperti fungsi *shopping-cart and check-*

out, yang biasa digunakan dalam pasaran Perniagaan kepada Pengguna.

Pelanggan sedia adanya termasuklah Malaysia Airports Holdings Bhd, Telekom Malaysia dan Tenaga Nasional Bhd.

Pada masa ini, platform itu mempunyai lebih 2,000 vendor dengan lebih 45,000 unit penyimpanan stok di bawah kategori utama seperti MRO, bekalan pejabat, teknologi maklumat (IT) dan perkakasan. - Bernama

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
CIMB Investment Bank Berhad (CIMB - Economy News)	1	0	RM 0
Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) (Malaysia Airports	2	0	RM 0
Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) (PETRONAS)	8	0	RM 0
PUB - Johor River Water Works (PUB JRWW) (Immigration &	1	0	RM 0
Telekom Malaysia Bhd (TM Berhad) (Telekom Malaysia Bhd (TM	4	0	RM 0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Tenaga Nasional)	1	0	RM 0